

Headline **Pengerusi baru Yayasan Perak dilantik**  
Date **08. Jul 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **20**  
Section **Nasional** Article Size **49** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## Pengerusi baru Yayasan Perak dilantik

**I** POH: Ahli Parlimen Bukit Gantang, Roslan Shahrarum, dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Perak yang baru menggantikan bekas Ahli Parlimen Grik, Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Majlis penyerahan tugas pada upacara ringkas yang disaksikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin diadakan di pejabatnya, petang semalam.

Roslan, 49, yang memiliki Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pengalaman 16 tahun dalam pentadbiran kerajaan negeri dengan jawatan terakhirnya sebagai Pengarah Sumber Manusia dan Pentadbiran Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) sebelum meletak jawatan pada 1999 untuk bertanding pada pilihan raya mewakili parti Pas.